

2 notice of annual general meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Thirty-Ninth Annual General Meeting of Fraser & Neave Holdings Bhd will be held at Cempaka Raya Room, Mezzanine Floor, Hotel Equatorial, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur on 27 February 2001, Tuesday immediately after the conclusion of the Extraordinary General Meeting (which is scheduled to commence at 10.00 a.m.) for the following purposes :

AGENDA

Routine Business

1. To receive and adopt the Audited Financial Statements for the year ended 30 September 2000 and the Reports of the Directors and Auditors thereon. (Resolution 1)
2. To approve the payment of a final dividend of 7% less Malaysian income tax for the year ended 30 September 2000. (Resolution 2)
3. To re-elect the following directors :
 - Under Article 97 of the Articles of Association
 - a) Tan Yam Pin (Resolution 3a)
 - b) Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan (Resolution 3b)
 - Under Section 103 of the Articles of Association
 - c) Dato' Fong Weng Phak (Resolution 3c)
 - d) Lee Ah Ha @ Lee Kong Yip (Resolution 3d)
4. To approve directors' fees of RM417,406 payable by the Company for the year ended 30 September 2000 (1999 : RM350,100). (Resolution 4)
5. To re-appoint Messrs Ernst & Young as Auditors of the Company for the year ending 30 September 2001 and to authorise the directors to fix their remuneration. (Resolution 5)

Others

6. To transact any other business which may properly be brought forward.

NOTICE OF DIVIDEND PAYMENT

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT, subject to the approval of the shareholders at the forthcoming Annual General Meeting, the proposed final dividend of 7% less tax will be paid to shareholders on 27 March 2001. The entitlement date for the proposed dividend shall be 7 March 2001.

A depositor shall qualify for the entitlement to the dividend only in respect of :

- a) Shares transferred to the depositor's securities account before 12.30 pm on 7 March 2001 in respect of ordinary transfer,
- b) Shares bought on the Kuala Lumpur Stock Exchange on a cum entitlement basis according to the Rules of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

By Order of the Board

TONY LEE CHEOW FUI
Company Secretary

Kuala Lumpur, 8 February 2001

NOTE :

A member entitled to attend and vote at the above meeting may appoint a proxy to attend and vote on his behalf and such proxy need not be a member of the Company. This instrument appointing such a proxy (a form is enclosed) must be deposited with the company secretary at the registered office of the Company, at 95 Jalan Yew, Off Jalan Sungei Besi, 55100 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the meeting.

notis mesyuarat agung tahunan

ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Ketiga Puluh Sembilan Fraser & Neave Holdings Bhd akan diadakan di Bilik Cempaka Raya, Tingkat Mezzanin, Hotel Equatorial, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, pada hari Selasa, 27 Februari 2001 sebaik sahaja tamat Mesyuarat Agung Luarbiasa (yang dijadualkan bermula pada jam 10.00 pagi) untuk tujuan-tujuan berikut :

AGENDA

Urusan Biasa

1. Untuk menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Yang Diaudit bagi tahun berakhir 30 September 2000 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. (Resolusi 1)
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 7% sesaham, tolak cukai pendapatan Malaysia bagi tahun berakhir 30 September 2000. (Resolusi 2)
3. Untuk melantik semula para pengarah berikut :
 - Di bawah Tataurusan 97 Taturusan Pertubuhan Syarikat
 - a) Tan Yam Pin (Resolusi 3a)
 - b) Tan Sri Dato' Dr. Lin Se-Yan (Resolusi 3b)
 - Di bawah Tataurusan 103 Taturusan Pertubuhan Syarikat
 - c) Dato' Fong Weng Phak (Resolusi 3c)
 - d) Lee Ah Ha @ Lee Kong Yip (Resolusi 3d)
4. Untuk yang akan meluluskan yuran pengarah sebanyak RM417,406 yang akan dibayar oleh Syarikat bagi tahun berakhir pada 30 September 2000 (1999: RM350,100). (Resolusi 4)
5. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun yang akan berakhir pada 30 September 2001 dan memberi kuasa kepada para pengarah menetapkan bayaran mereka. (Resolusi 5)

Lain-lain

6. Untuk menjalankan sebarang urusan lain yang dikemukakan.

NOTIS PEMBAYARAN DIVIDEN

ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dividen akhir yang dicadangkan sebanyak 7% sesaham, tolak cukai akan dibayar kepada para pemegang saham pada 27 Mac 2001. Tarikh kelayakan dividen yang dicadangkan ini adalah pada 7 Mac 2001.

Seseorang pendeposit akan berhak untuk kelayakan menerima dividen hanya berhubung dengan :

- a) Saham-saham yang dipindahkan kepada akaun sekuriti pendeposit sebelum pukul 12.30 pm pada 7 Mac 2001 berhubung pindahan biasa,
- b) Saham-saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur mengikut asas menjadi layak menurut Peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

TONY LEE CHEOW FUI
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur, 8 Februari 2001

NOTA :

- Seseorang ahli yang layak untuk
- hadir dan mengundi di mesyuarat
- di atas boleh melantik seorang
- proksi untuk hadir dan mengundi
- bagi pihaknya dan proksi tersebut
- tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- Suratcara perlantikan proksi
- tersebut (borang yang disertakan)
- perlu dihantar kepada Setiausaha
- Syarikat di pejabat berdaftar
- Syarikat di 95, Jalan Yew, Off Jalan
- Sungei Besi, 55100 Kuala Lumpur
- sekurang-kurangnya 48 jam sebelum
- mesyuarat dilangsungkan.


five-year group performance

prestasi kumpulan lima tahun


Year ended 30 September Tahun berakhir 30 September	2000 RM '000	1999 RM '000	1998 RM '000	1997 RM '000	1996 RM '000	
RESULTS / KEPUTUSAN						
Revenue / Hasil	1,366,517	1,157,242	1,240,314	1,148,119	736,145	
Profit/(Loss) before taxation Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai	72,819	(68,297)	11,922	98,571	69,797	
Net profit/(loss) for the year Keuntungan/(Kerugian) bersih bagi tahun	56,406	(60,806)	5,133	67,845	45,480	
DIVIDEND / DIVIDEN						
Per share / Sesaham						
– Earnings/(Loss) Pendapatan/(Kerugian)	(sen)	25.6	(35.0)	3.0	39.3	41.2
– Dividend net / Dividen bersih	(sen)	8.6	2.2	5.0	10.8	10.5
– Dividend cover Liputan dividen	(times / kali)	2.5	(16.2)	0.6	3.7	2.5
BALANCE SHEET / LEMBARAN IMBANGAN						
Shareholders' fund Dana pemegang saham	552,593	304,470	369,031	361,352	297,137	
Total assets / Jumlah harta	1,393,371	1,285,147	1,388,322	1,333,024	1,190,176	
Long term borrowings Pinjaman jangka panjang	–	250,000	302,375	305,521	310,636	
Net tangible assets per share Harta ketara bersih sesaham	(sen)	212	174	209	206	170
RATIO / NISBAH						
Return on revenue Pulangan atas hasil	(%)	4.1	(5.3)	0.4	5.9	6.2
Return on equity Pulangan atas ekuiti	(%)	10.2	(20.0)	1.4	18.8	15.3
Gearing ratio / Nisbah penggearing	(%)	0.7	1.7	1.4	1.2	1.2
Market capitalisation Permodalan pasaran (31 December / 31 Disember)	776,996	664,008	869,120	695,303	2,203,379	

five-year group performance - prestasi kumpulan lima tahun


Revenue / Hasil
RM Million / Juta




Earnings/(Loss) per share
Pendapatan/(Kerugian) sesaham
Sen




Shareholders' fund
Dana pemegang saham
RM Million / Juta



Return on equity
Pulang atas ekuiti
%



Market capitalisation
Permodalan pasaran
RM Million / Juta



corporate information maklumat korporat

BOARD OF DIRECTORS / LEMBAGA PENGARAH

Dato' Dr. Yahya bin Ismail (Chairman / Pengerusi)
**Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin
 Jamalullail ibni Tuanku Syed Putra
 Jamalullail** *DK (Perlis)*
Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan
Mr. Tan Yam Pin
Mr. Ian Alastair MacLean
Dr. Radzuan bin A. Rahman
Puan Kartini binti Hj. Abdul Manaf
Mr. Lai Seck Khui
Dato' Fong Weng Phak
Mr. Lee Kong Yip

AUDIT COMMITTEE / JAWATANKUASA AUDIT

**Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin
 Jamalullail ibni Tuanku Syed Putra
 Jamalullail** *DK (Perlis)* (Chairman / Pengerusi)
 – Independent member / Ahli bebas
Mr. Tan Yam Pin
 – Member / Ahli
Puan Kartini binti Hj Abdul Manaf
 – Independent member / Ahli bebas

COMPANY SECRETARIES SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Mr. Tony Lee Cheow Fui BCom CA (Aust) (MIA 2756)
Ms. Gan Mee Ling LLB (LS 03160)

REGISTERED OFFICE / PEJABAT BERDAFTAR

95 Jalan Yew, Off Jalan Sungei Besi
 55100 Kuala Lumpur
 Tel / Tel : (03) 9223 1318
 Fax / Faks : (03) 9221 1226
 email : cosec@fn.com.my

SHARE REGISTRARS AND TRANSFER OFFICE PEJABAT BERDAFTAR DAN PINDAHAN SAHAM

M&C Services Sdn Bhd
 11th Floor, Wisma Damansara, Jalan Semantan
 Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

AUDITORS / JURUAUDIT

Ernst & Young
 4th Floor, Kompleks Antarabangsa
 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

PRINCIPAL BANKER / BANK UTAMA

OCBC Bank (Malaysia) Berhad
 Malayan Banking Berhad

GROUP EXECUTIVE COMMITTEE JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Dr. Yahya bin Ismail (Chairman / Pengerusi)
Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan
Mr. Tan Yam Pin
Mr. Ian Alastair MacLean
Dr. Radzuan bin A. Rahman
Dato' Fong Weng Phak

GROUP MANAGEMENT PENGURUSAN KUMPULAN

Mr. Tony Lee Cheow Fui BCom CA(Aust)
 – Chief Financial Officer / Ketua Pegawai Kewangan

BUSINESS UNIT SENIOR MANAGEMENT PENGURUSAN KANAN UNIT PERNIAGAAN

GLASS PACKAGING / PEMBUNGKUSAN KACA
Mr. Sim Kuang Meng BCom
 – General Manager / Pengurus Besar
Mr. Tan Cheng Pin
 – General Director (Vietnam) / Ketua Pengarah (Vietnam)

SOFT DRINKS / MINUMAN RINGAN

Mr. Ng Jui Sia BA CA(UK)
 – Managing Director / Pengarah Urusan

DAIRY PRODUCTS / PRODUK TENUSU

Mr. Lawrence Lim Sim Eng BEng(Hons) CE(UK)
 – Chief Executive Officer, Group Dairies
 Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Bahagian Tenusu
Mr. Tiam Swei Chong BSc(Hons)
 – General Manager / Pengurus Besar

PROPERTIES / HARTANAH

Mr. Andrew Wong Ng Shon BEng(S'pore) MBA
 – Senior General Manager / Pengurus Besar Kanan

STOCK EXCHANGE LISTING SENARAIAN BURSA SAHAM

Main Board of The Kuala Lumpur Stock Exchange
 Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur

audit committee terms of reference *bidang tugas jawatankuasa audit*

7

TERMS OF REFERENCE :

The primary objective of the Audit Committee is to assist the Board of Directors in fulfilling their fiduciary responsibility relating to internal controls, financial accounting and management reporting practices of the Company.

The duties of the Audit Committee are to :

1. Discuss with the external auditors, prior to the annual audit, their audit plans and scope of their audit.
2. Review with management and the external auditors, the interim and annual financial statements before submission / recommending to the Board for approval.
3. Review with the external auditors, their evaluation of the adequacy of the internal controls and compliance with policies and procedures, and to investigate any significant findings of the external auditors.
4. Recommend the appointment of the external auditors, audit fee and any question of resignation or dismissal.


BIDANG TUGAS :

Objektif utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiari mereka berkaitan dengan kawalan dalaman, perakaunan kewangan dan amalan laporan pengurusan Syarikat.

Tugas Jawatankuasa Audit adalah untuk :


1. *Membincangkan dengan juruaudit luar tentang rancangan dan skop audit mereka sebelum menjalankan audit tahunan mereka.*
2. *Mengkaji dengan pengurusan dan juruaudit luar, penyata kewangan pertengahan dan tahunan sebelum menyerahkan / mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.*
3. *Mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka mengenai kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan dengan berbagai dasar serta prosedur dan menyiasat sebarang penemuan penting juruaudit luar.*
4. *Mengesyorkan perlantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan atau pemecatan jawatan.*

corporate structure struktur korporat





- ① Dato' Dr. Yahya bin Ismail (Chairman/Pengerusi)
- ② Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Syed Badarudin Jamalullail ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail DK (Perlis)
- ③ Mr. Ian Alastair MacLean
- ④ Dato' Fong Weng Phak
- ⑤ Mr. Lee Kong Yip
- ⑥ Puan Kartini binti Hj. Abdul Manaf
- ⑦ Mr. Lai Seck Khui
- ⑧ Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan
- ⑨ Dr. Radzuan bin A. Rahman
- ⑩ Mr. Tan Yam Pin



chairman's statement

PENYATA Pengerusi

I am pleased to report the Group results for the year ended 30 September 2000.

GROUP PERFORMANCE AND PROSPECTS

All business operations reported improved profit results. The soft drinks business returned to the black after two years of losses. The aggressive actions by management to improve margins and to rationalise operations have started to bear fruits. The fixed currency regime had also benefited the dairies business by bringing stability to operating costs as a large component of its input materials is imported. The glass operation while thriving on improved domestic volume and better margins, also successfully integrated the recent acquisition of Kuala Lumpur Glass Manufacturers Company Sdn Bhd.

As a result of the foregoing, Group attributable profit for the financial year ended 30 September 2000 improved to RM 56.4 million compared to a loss of RM 60.8 million reported for last financial year. Earnings per share was 25.6 sen on the enlarged capital base, compared with

Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan keputusan Kumpulan bagi tahun berakhir 30 September 2000.

PRESTASI DAN PROSPEK KUMPULAN

Semua operasi perniagaan melaporkan keputusan keuntungan yang bertambah baik. Perniagaan minuman ringan kembali pulih selepas dua tahun menanggung kerugian. Tindakan agresif pihak pengurusan untuk memperbaiki margin dan merasionalisasi operasi telah mula membuah hasil. Regim penetapan kadar matawang turut memanfaatkan perniagaan tenusu yang telah menstabilkan kos operasinya kerana sebahagian besar daripada bahan inputnya terdiri dari barangan import. Sementara itu, perniagaan kaca bukan sahaja mendapat manfaat daripada volum domestik dan margin yang bertambah baik, malah turut mendapat manfaat daripada pengukuhan operasi kaca berikutan pengambilalihan Kuala Lumpur Glass Manufacturers Company Sdn Bhd baru-baru ini.

Hasil dari perkembangan yang dinyatakan di atas, keuntungan yang boleh diboleh dibahagikan Kumpulan bagi tahun

a loss of 35.0 sen per share last year. Net tangible assets at the end of the financial year increased to RM 522.6 million or RM 2.12 per share due to the rights issue and profit contribution from the subsidiaries during the year.

DIVIDENDS

During the year, the Company declared an interim dividend of 5 sen per share and this was paid to shareholders in August 2000. As indicated previously, it had been the desire of the Board to restore the dividend payments as soon as Group performance returns to a more satisfactory level.

I am pleased to advise that the Board has recommended a final dividend of 7 sen per share less tax, for approval by shareholders at the forthcoming Annual General Meeting. If approved, the amount to be paid out will be at least RM 13.1 million and possibly up to RM 19.2 million, depending on the extent to which the outstanding warrants are exercised prior to their expiry on 20 February 2001.

This means that the total dividend distributed for the year will be 12 sen per share less tax or RM22.5 million based on the present capital base. This payout is a 6-fold increase over the previous year of RM 3.8 million.

kewangan berakhir 30 September 2000 telah meningkat kepada RM56.4 juta berbanding kerugian sebanyak RM60.8 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan yang lepas. Pendapatan sesaham berjumlah 25.6 sen atas asas modal yang telah diperbesarkan, berbanding kerugian sebanyak 35.0 sen sesaham pada tahun sebelumnya. Harta ketara bersih sesaham pada akhir tahun kewangan ini meningkat kepada RM52.6 juta atau RM2.12 sesaham disebabkan oleh terbitan hak dan sumbangan keuntungan daripada subsidiari-subsidiari pada sepanjang tahun.

DIVIDEN-DIVIDEN

Pada tahun ini, Syarikat telah mengisytiharkan dividen pertengahan sebanyak 5 sen sesaham dan ini telah dibayar kepada para pemegang saham pada bulan Ogos 2000. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Lembaga Pengarah berhasrat untuk membayar kembali dividen sebaik sahaja prestasi Kumpulan kembali ke paras yang memuaskan.

Saya berasa sukacita untuk memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 7 sen sesaham ditolak cukai, untuk diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Jika diluluskan, jumlah yang akan dibayar berjumlah sekurang-kurangnya RM13.1 juta dan berkemungkinan mencapai sehingga RM19.2 juta, bergantung kepada tahap mana waran tertunggak dilaksanakan sebelum tamat tempohnya pada 20 Februari 2001.

Ini bermakna bahawa jumlah dividen yang dibahagikan pada tahun ini akan berjumlah 12 sen sesaham ditolak cukai atau RM22.5 juta berasaskan kepada asas modal sekarang. Pembayaran ini adalah pertambahan sebanyak 6 kali ganda berbanding pembayaran sebanyak RM3.8 juta pada tahun sebelumnya.

PROSPECTS 2000 / 2001

The Malaysian economy has much strengthened after the economic turmoil which struck the region in the two years from mid-1997. Projected GDP growth for the year 2000 is estimated at 8%, which was higher than the previous year and a complete turnaround from the contraction two years ago. A continuation of this trend will, we believe, lead to increase consumption of Group products be it in soft drinks, dairy products or glass packaging, thereby further improving Group performances.

CORPORATE EXERCISES

The share capital of the Company was enlarged by way of a rights issue during the year. This was completed in June 2000 and together with the issue of replacement warrants, raised about RM200 million. The proceeds were utilised to strengthen the financial health of the Group by reducing borrowings. Consequently, the debt to equity ratio reduced to 0.7 times compared to 2.0 times at the end of the previous financial year.

PROSPEK 2000 / 2001

Ekonomi Malaysia telah bertambah kukuh selepas mengalami kemelesetan yang melanda rantau ini lama dua tahun sejak pertengahan 1997. Unjuran pertumbuhan KDNK bagi tahun 2000 dianggarkan sebanyak 8%, yang jika berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya adalah lebih tinggi setelah pulih daripada penguncupan sepanjang dua tahun lepas. Kami percaya, arah aliran yang berterusan sebegini akan membawa kepada peningkatan penggunaan produk Kumpulan, sama ada minuman ringan, produk tenusu atau pembungkusan kaca, dan dengan demikian mempertingkatkan prestasi Kumpulan.

LANGKAH KORPORAT

Modal saham Syarikat telah diperbesarkan melalui terbitan hak pada tahun ini. Langkah ini telah diselesaikan pada bulan Jun 2000 dan bersama dengan terbitan waran penggantian, ia berjaya mengumpul dana sebanyak RM200 juta. Kutipan ini telah diguna bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan Kumpulan dengan mengurangkan pinjaman. Hasilnya, nisbah hutang kepada ekuiti berkurangan kepada 0.7 kali berbanding 2.0 kali pada akhir tahun kewangan sebelumnya.

PENGAWASAN KORPORAT

Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah menyalurkan sebahagian besar usaha terhadap pengawasan korporat. Justeru, sebuah jawatankuasa eksekutif Lembaga Pengarah telah dibentuk. Selain memantau secara kerap operasi subsidiari-subsidiarinya, bidang tugasnya

CORPORATE GOVERNANCE

During the year, the Board spent a considerable amount of effort on corporate governance. An executive committee of the Board was formed. Amongst its tasks, which include regular monitoring of subsidiaries' operations, is to formulate Group strategy and to seek opportunities to expand its operations.

The composition of the Audit Committee was also changed to provide for more independent representation.

DIRECTORATE

Two new directors were appointed to strengthen the Board, Dato' Fong Weng Phak and Mr Lee Kong Yip. Dato' Fong is a former Deputy Governor of Bank Negara and Mr Lee had spent most of his career with the OCBC Bank in Malaysia. In accordance with the Company's Articles of Association, both will be nominated for re-appointment at the forthcoming Annual General Meeting.

Towards the end of the financial year, Mr Mah Peng Kong, a director and long serving employee of the Group resigned from the Board and his position as Group Chief Executive Officer to pursue his personal interests. On behalf of the Board, I wish to thank him for his loyalty, dedication and distinguished service with the Group. The Board will make an announcement on his replacement when a new appointment has been made.

I also wish to inform shareholder that I shall not be seeking re-election as a director at the forthcoming Annual General Meeting because of personal reasons. I have been on the Board for over 21 years and had seen the successful development of the Company to what it is today. Personally, I wish to express my deep appreciation to my colleagues, management and employees, past and present for their support during my tenure as a member and Chairman of the Board.

CONCLUSION

I would like to once again, on behalf of the Board take this opportunity to thank the management, staff at all levels of the Group and my fellow directors for their strong support and contribution throughout the year.

DATO' DR. YAHYA BIN ISMAIL

Chairman / Pengerusi

juga merangkumi perumusan strategi Kumpulan dan peninjauan berbagai peluang bagi mengembangkan operasinya.

Komposisi Jawatankuasa Audit juga telah ditukar untuk membolehkan perwakilan yang lebih bebas.

LEMBAGA PENGARAH

Dua orang pengarah baru, Dato' Fong Weng Phak dan Encik Lee Kong Yip telah dilantik untuk mengukuhkan lagi kemantapan Lembaga Pengarah. Dato' Fong adalah bekas Timbalan Gabenor Bank Negara dan Encik Lee pula menghabiskan sebahagian besar daripada kerjaya beliau bersama OCBC Bank di Malaysia. Menurut Tataurusuan Pertubuhan Syarikat, kedua-duanya akan dicalonkan untuk dilantik semula di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Pada penghujung tahun kewangan ini, Encik Mah Peng Kong, seorang pengarah dan kakitangan yang telah lama berkhidmat dengan Kumpulan telah meletak jawatan daripada Lembaga Pengarah dan juga daripada jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk meneruskan penglibatan peribadi beliau. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau yang telah berkhidmat dengan penuh kesetiaan, berdedikasi dan disanjung bersama Kumpulan. Lembaga Pengarah akan membuat pengumuman mengenai pengganti beliau apabila perlantikan baru dibuat kelak.

Saya juga ingin memaklumkan kepada para pemegang saham bahawa saya tidak berhasrat untuk dilantik semula sebagai pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang atas sebab-sebab peribadi. Saya telah berkhidmat di dalam Lembaga Pengarah selama lebih 21 tahun dan telah menyaksikan Syarikat berkembang maju sehingga berada pada kedudukannya hari ini. Secara peribadi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan sejawatan, pihak pengurusan dan kakitangan, sama ada yang telah atau yang masih berkhidmat dengan Syarikat di atas sokongan mereka sepanjang tempoh saya memegang jawatan sebagai ahli dan Pengerusi Lembaga Pengarah.

KESIMPULAN

Sekali lagi, saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan, kakitangan Kumpulan di semua peringkat dan rakan-rakan pengarah saya kerana memberikan sokongan dan sumbangan yang teguh sepanjang tahun ini.